



**YANG di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah wajar diberikan penjelasan tentang situasi semasa oleh kerajaan hari ini. Gambar yang dirakam pada 28 Oktober tahun lalu menunjukkan Muhyiddin menghadap Seri Paduka untuk mesyuarat Pra-Kabinet di Istana Negara.**

# Perjelas kepada Agong

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin perlu memohon menghadap Yang di-Pertuan Agong untuk memberi penjelasan tentang situasi semasa dan membuka ruang Seri Paduka membuat pertimbangan demi masa depan negara.

Penganalisis politik Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketaamadunan Fakulti Ekologi Malaysia Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Mohd. Izani Mohd. Zain** berkata, kerajaan Perikatan Nasional (PN) memerlukan sokongan untuk terus bertahan dan melaksana-

kan fungsinya tanpa ada percaturan politik buat masa ini.

Namun, katanya, sekiranya kerajaan PN tidak disokong, campur tangan Yang di-Pertuan Agong adalah perlu terutama dalam situasi negara berdepan bencana berganda ketika ini.

“Malah, adalah perlu proklamasinya darurat jika keadaan semakin membimbangkan dan kerajaan terbukti tidak boleh mengawal penularan pandemik Covid-19.

“Muhyiddin juga boleh dilantik menjadi Perdana Menteri interim untuk tempoh tertentu sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) dilaksanakan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sebelum ini, Ahli Parlimen

Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub mengumumkan keputusan menarik diri daripada menyokong kerajaan PN diketuai Muhyiddin.

Penarikan sokongan Ahmad Jazlan menyaksikan kerajaan PN kini mempunyai 110 sokongan ahli Parlimen, berbanding 108 diraih Pakatan Harapan (PH).

Dalam pada itu, Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), **Prof. Dr. P. Sivamurugan** berkata, pengisytiharan darurat adalah pilihan yang ada bagi mengelakkan kes berpanjangan.

“Ia juga wajar merangkumi darurat kesihatan kerana ia sudah menjadi krisis nasional,” ujarnya.